

Kumon lahir murid

Kaedah belajar lebih mudah, seronok permudah pelajar kuasai Matematik, ba

ib.H 22/10/07 MS 9

Oleh Habsah Dinin

MASA terluang pada cuti persekolahan adalah masa terbaik untuk dimanfaatkan sebagai persediaan menghadapi persekolahan pada tahun depan dan seterusnya.

Musim cuti persekolahan adalah masa yang terbaik memperbaiki dan mempertingkatkan kemahiran pelajar.

Pada hari persekolahan yang masa pelajar sangat terhad dengan sesi persekolahan, aktiviti kokurikulum dan juga dipenuhi dengan pelbagai kerja rumah yang perlu dilaksana.

"Cuti persekolahan memberi pelajar masa yang terluang dan membolehkan mereka memberi tumpuan kepada aktiviti yang ingin dilakukan.

"Oleh itu, ibu bapa perlu merancang cuti persekolahan anak mereka supaya digunakan dengan kegiatan berfaedah," kata Mashitah Ahmed Rifaie, Pengurus Bahagian Komunikasi Kumon Malaysia.

Pembelajaran sepatutnya aktiviti berterusan walaupun pada musim cuti persekolahan.

Di Kumon, pembelajaran diberikan sepanjang tahun supaya pelajar dapat meningkatkan prestasi mereka dari masa ke semasa.

Pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Matematik dapat menumpukan dalam subjek itu, manakala pelajar yang ingin meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris juga boleh berbuat demikian.

Yang perlu hanyalah komitmen lebih kurang 30 minit sehari dan menghadiri pusat Kumon dua kali seminggu.

Kumon melatih pelajar berdikari dan maju mengikut kebolehan masing-masing.



MESRA: Guru Kumon memberi tunjuk ajar cara menguasai Matematik.

kepada semua peringkat umur seawal bidang akademik tetapi juga mampu

...juga mendapat kebolehan masing masing. Dengan itu, pelajar dapat belajar lebih selesa dengan kemampuan mereka.

Kemahiran dapat diterapkan dengan latihan berulang sehingga pelajar berasa yakin untuk maju ke hadapan dengan usaha sendiri.

Apabila anak mahir dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris, mereka dapat memberi lebih tumpuan kepada mata pelajaran lain yang mereka kurang mahir.

Ini adalah satu daripada kemahiran pengurusan masa dan cara belajar yang baik kepada anak.

Dengan itu, pembelajaran bukan lagi satu tugas, sebaliknya suatu yang menyeronokkan dan memberi kepuasan.

Secara tidak langsung pelajar mula membentuk keyakinan diri, tabiat belajar yang baik, mempunyai fokus dan percaya kepada kebolehan diri.

Kumon mendidik pelajar berfikir secara analitikal dalam mempraktikkan apa yang dipelajari pada pembelajaran seterusnya.

Sebelum pelajar menyertai kelas Kumon, mereka akan diberikan ujian diagnostik untuk menentukan tahap permulaan yang sesuai dengan kebolehan mereka.

Sukatan pembelajaran Kumon merangkumi dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat pra universiti menjadikan ia program yang sangat sesuai

kepada semua peringkat umur, seawal usia empat tahun hingga ke peringkat kolej.

Ketika ibu bapa memilih program yang bersesuaian untuk anak mereka, apa yang penting adalah ibu bapa perlu memastikan sesuatu program itu mempunyai sukatan pelajaran yang menyeluruh dan dapat merangsang pembelajaran berterusan dalam diri anak.

Kebanyakan ibu bapa lebih cenderung memilih program yang dapat memberi penyelesaian yang cepat kepada masalah pembelajaran anak.

Kumon lebih menekankan kepada pengukuhan asas pembelajaran pelajar seperti tabiat belajar yang baik, berdisiplin, yakin diri dan tabiat belajar sendiri yang akan memberi manfaat dalam jangka masa panjang dan berterusan.

Dengan asas yang kukuh, pelajar akan mempunyai semangat belajar yang tinggi dan dapat berdikari dalam menempuh alam persekolahan masing-masing, seterusnya dapat menentukan apa yang diingini mereka pada masa depan.

Bukankah itu yang diharapkan setiap ibu bapa kerana ibu bapa tidak mungkin dapat membimbing anak pada setiap masa sehingga mereka dewasa.

Dari masa ke semasa, anak akan membina kemahiran hidup yang mana akan membentuk personalitinya.

Bukan saja anak yang berjaya dalam

bidang akademik tetapi juga mempunyai kualiti untuk berdaya saing dan mempunyai masa depan yang cemerlang.

Di Kumon, pembimbing sentiasa memberi bimbingan dan perangsang yang sewajarnya kepada pelajar.

Bagaimanapun, kejayaan anak tidak sepenuhnya bergantung kepada usaha pelajar dan bimbingan dari pembimbing Kumon semata-mata, tetapi penyertaan ibu bapa dalam memastikan pelajar mempunyai rutin belajar yang baik di rumah juga penting.

Ini termasuk memberi pujian dan kata perangsang kepada anak bila mereka menunjukkan perubahan yang positif.

Ibu bapa juga perlu memberikan komitmen yang berterusan dan bekerjasama dengan pembimbing Kumon dalam membentuk pelajar berkebolehan.

Oleh kerana sistem pembelajaran Kumon berasaskan kemampuan pelajar, kemajuan yang akan ditunjukkan pelajar itu bergantung kepada kemahiran dan usaha masing-masing.

Kumon percaya setiap pelajar boleh maju melepasi tahap persekolahan mereka walaupun pada awalnya mereka ditempatkan pada dua atau tiga tahap di bawah tahap persekolahan.

Ini dibuktikan pada setiap tahun Kumon menganjurkan Hari Anugerah Cemerlang kepada pelajarannya yang mencapai sekurang-kurangnya dua tahun ke

bijak

Bahasa Inggeris sejak kecil



PENTING: Minat membaca perlu dipupuk sejak kecil.

depan melepasi tahap persekolahan mereka.

Pada tahun ini, acara gilang-gemilang itu akan diraikan bersama ibu bapa pelajar di tiga tempat yang berasingan iaitu di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur Convention Centre pada 28 Oktober; Hotel Equatorial, Pulau Pinang pada 11 November dan Pulai Spring Resort Johor pada 25 November ini.

Seramai 10,043 pelajar melepasi tahap persekolahan mereka berdasarkan pada data pada Jun 2007.

Sudah semestinya pelajar ini akan meneruskan kecemerlangan mereka bukan saja hingga ke peringkat tertinggi dalam program Kumon tetapi juga dalam bidang lain yang diceburi.

Kumon yang mempunyai rangkaian francais di 45 negara adalah sistem francais dalam bidang pembelajaran yang terbesar di dunia dan diiktiraf oleh Peratuan Francais Malaysia.

Kumon mengalu-alukan penyertaan Bumiputra yang berminat untuk menyertai program francais Kumon.

Latihan dan bimbingan yang berterusan akan diberikan kepada pemohon yang berkecualan.

Sebarang pertanyaan untuk menyertai program Kumon atau pertanyaan mengenai peluang francais boleh menghubungi talian bebas tol 1800 88 1010 atau lawati laman web di www.kumon.com.my



MUDAH: Kumon menyediakan kaedah menyeronokkan bagi memupuk minat budak belajar Matematik.